

ARF medan mencari gencatan senjata Asia Barat

UM- 28/7/2006

KUALA LUMPUR 27 Julai - Malaysia akan menggunakan Forum Rantau ASEAN (ARF) yang sedang berlangsung di sini bagi mempengaruhi 26 negara anggota ARF, terutama Amerika Syarikat bagi mengusahakan gencatan senjata segera antara pihak bertelagah di Palestin dan Lebanon.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Malaysia akan menggunakan forum itu untuk memanggil mesyuarat dengan negara-negara anggota bagi membicarakan strategi dan cara bagi menegerakkan gencatan senjata di rantau itu.

"Kita telah pun sampaikan perkara itu kepada Amerika Syarikat semasa Persidangan Pasca Menteri-menteri Luar ASEAN (PMC)," katanya kepada pemberita di Bangunan Parlimen hari ini.

PMC dan ARF sedang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur sempena Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN (AMM) dari 24 Julai hingga 28 Julai.

Beliau berkata demikian ketika mengulas sama ada Malaysia akan menggunakan ARF bagi mengusahakan gencatan senjata di Palestin dan Lebanon setelah rundingan di Rom semalam yang diusahakan oleh Kesatuan Eropah gagal mencapai kata sepakat melaksanakan gencatan sen-

Kita (Malaysia) mahu supaya segera diadakan gencatan senjata segera, selepas itu baru kita berunding perkara-perkara berkaitan

SYED HAMID ALBAR
Menteri Luar

jata di Palestin dan Lebanon.

Katanya, Malaysia juga akan bekerjasama dengan negara-negara Teluk termasuk Arab Saudi, Turki dan negara-negara lain dalam usaha itu.

"Perdana Menteri Lebanon juga ada menyampaikan pandangan serupa semasa berbual dengan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan mahukan Malaysia terus memainkan peranan dalam usaha itu," katanya.

Ketika ditanya perbezaan pendirian Malaysia dengan Amerika Syarikat berhubung pelaksanaan gencatan senjata itu, Syed Hamid berkata, apa yang penting ialah Malaysia telah berjaya menyampaikan mesej jelas kepada negara-negara kuasa besar supaya gencatan senjata diadakan segera.

"Kita (Malaysia) mahu supaya segera diadakan gencatan senjata segera, selepas itu baru kita berunding perkara-per-

kara berkaitan.

"Bagaimanapun kita faham pandangan mereka," tambah beliau.

Beliau juga berkata, Malaysia sedar tidak ada mana-mana pihak yang dapat menyekat apa yang sedang berlaku melainkan pihak yang mempunyai pengaruh dan kekuatan mengambil inisiatif serius menggerakkan usaha itu.

"Jadi tugas kita sama ada ASEAN atau ARF ialah untuk menyuarakan pandangan kita, supaya melalui pandangan kita itu dapat diambil kira bagi mencari penyelesaian jangka panjang dan jangka pendek yang segera bagi krisis di Palestin dan Lebanon," katanya.

Syed Hamid berkata, Malaysia berpendapat ini bukan masanya untuk menyalahkan sesiapa tetapi yang pentingnya menghentikan kemusnahan dan kematian orang awam, kanak-kanak dan wanita yang tidak bersenjata.

Mengenai saranan AMM supaya rundingan enam negara berhubung ujian senjata nuklear Korea Utara diadakan, Syed Hamid berkata, Korea Utara tidak bersetuju mengadakan pertemuan dengan lima negara terlibat iaitu Korea Selatan, Jepun, China, Rusia dan Amerika Syarikat semasa ARF bagi menyambung semula rundingan mengenai perkara itu.

Katanya, walaupun lima negara terlibat telah bersetuju dengan cadangan AMM, tetapi ASEAN belum mendapat respon Korea Utara atas alasan negara-negara terlibat terutama Amerika Syarikat tidak mengiktiraf usul Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu serta menegenakan syarat ke atas Korea Utara.

Katanya, Menteri Luar Korea Utara Paek Nam Sun ada menyatakan kepada Abdullah meminta Malaysia memainkan peranan supaya Korea Utara tidak dikenakan sebarang syarat bagi menyambung semula rundingan.

"Bagi kita (Malaysia) cara terbaik untuk menyelesaikan krisis senjata nuklear Korea Utara ialah melalui saluran diplomasi dengan kesemua enam pihak berdialog untuk kembali menyambung rundingan," katanya.